

# Guru jana modal insan berkualiti

BH - 23/5/2007.

## Pendidik perlu ada iltizam tingkat kualiti pendidikan selaras Misi Nasional



**P**ADA 16 Mei lalu, masyarakat guru diraikan menerusi Perayaan Hari Guru Peringkat Kebangsaan Ke-36 di Johor Bahru dirasmikan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Selain mengumumkan penubuhan Yayasan Guru Tun Hussein Onn bagi menjaga kebajikan dan pembangunan guru, Perdana Menteri turut mengingatkan pendidik sentiasa berusaha membaiki kualiti diri sebagai nilai tambah kepada kejayaan peribadi dan profesion guru. Ia penting supaya pendidikan diperoleh anak itu nanti menjadi relevan dengan zaman menerusi ajaran dan didikan guru.

Kerajaan meletakkan satu pelaburan amat besar kepada kira-kira 327,000 guru di negara ini atau meliputi 58.2 peratus di sekolah rendah dan 41.8 peratus di sekolah menengah. Tidak kira, sama ada mereka guru siswazah, bukan siswazah atau ambilan kontrak, tugas mereka sama penting dan sama cabarannya. Selari dengan matlamat kerajaan meningkatkan kelayakan dan latihan guru, bermakna guru juga perlu memberikan sepenuh tumpuan kepada profesion perguruan masing-masing. Sebagai guru, mereka seharusnya menerima tanggungjawab ini satu amanah untuk mendidik anak bangsa.

Walaupun pada zahirnya tugas guru dilihat mudah, hakikatnya ia tanggungjawab amat berat untuk dipikul. Mereka bukan mendidik individu, tetapi mendidik sekumpulan individu dan dalam konteks lebih besar sebuah masyarakat yang akan mencorakkan masa depan bangsa dan negara ini. Guru juga sedar bahawa saban hari mereka akan terus mengajar wajah baru,

sedangkan anak murid mereka yang lepas sudah menempah kejayaan demi kejayaan hingga ada yang mempunyai kedudukan tinggi dalam kerajaan atau syarikat.

Oleh itu, sempena Hari Guru, setiap murid perlu mengambil masa sejenak mengingatkan jasa ditaburkan guru kepada mereka. Sememangnya guru berasa megah sekiranya murid mereka berjaya dalam hidup, sekurang-kurangnya guru itu boleh mengatakan beliau mempunyai sedikit jasa terhadap kejayaan seseorang.

Peranan guru hari ini amat mencabar, mereka bukan saja terpaksa melengkapkan diri dengan pengetahuan terkini sesuai dengan pendidikan yang dilanjutkan kepada generasi baru, tetapi juga bagi memenuhi harapan ibu bapa yang tinggi, bangsa dan negara terhadap mereka. Apatah lagi kebanyakan ibu bapa hari ini, atas alasan kesibukan masa, melepaskan sepenuhnya tanggungjawab mendidik anak kepada guru.

Kegagalan anak menyebabkan guru ditempelak dan dipersalahkan. Untuk itu, guru perlu tabah menghadapi keadaan ini apatah lagi tugas mereka memerlukan kesabaran menghadapi kerenah anak yang berbeza latar belakang dan tahap kecerdikan dan kenakalan berbeza juga dan sikap ibu bapa melihat guru secara negatif.

Biasanya, di sekolah rendah, kesabaran guru diuji dengan sikap kanak-kanak terutama untuk mendorong dan mengemudi mereka supaya menanam minat kepada pelajaran. Anak diajar supaya bukan saja faham mengenai pentingnya pelajaran, tetapi memberi mereka wawasan supaya menjadi manusia cemerlang, gemilang dan terbilang.

Di sekolah menengah pula, sikap dan tingkah laku mereka bergelut remaja dan mula berjinak-jinak dengan persekitaran lebih liar, menjadi cabaran baru kepada guru. Remaja mudah terpengaruh dengan sikap rakan sebaya, pengaruh media yang

tidak lagi mempunyai batas sempadan sosial, kesan kemajuan teknologi, kegilaan muzik, berpesta dan sebagainya boleh mencetuskan gejala baru kepada generasi hari ini.

Selain dianggap kegagalan ibu bapa menasihati anak mereka menjadi manusia berguna, guru juga tidak terlepas daripada celaan, apatah lagi jika sikap buruk anak itu dianggap bermula dikesan di sekolah dan kegagalan sekolah memupuk disiplin pelajar. Sudah banyak diperkatakan soal disiplin pelajar dan kaitannya dengan sekolah dan sikap guru. Kesalahan sering diletakkan kepada ibu bapa yang melepaskan bulat-bulat tugas mendidik anak kepada guru sedangkan guru juga mempunyai tanggungjawab lain yang harus dilaksanakan.

Sikap buruk mula dikesan kepada pelajar ialah apabila mula menghisap rokok. Melihat kepada statistik perokok negara ini yang dijangka meningkat dari 3.1 juta pada akhir tahun lalu kepada kira-kira 3.8 juta pada 2015 dan lebih empat juta menjelang 2020, ia adalah senario mengerikan. Sudah pasti, sasaran syarikat rokok ialah remaja yang hari ini masih berada di sekolah untuk jangka panjang dan mereka yang lemah daya tahan dalam menghadapi pengaruh rakan sebaya.

Kaji selidik cawangan Penyakit Tidak Berjangkit, Bahagian Kawalan Penyakit Kementerian Kesihatan baru-baru ini, menunjukkan sehingga akhir tahun lalu, seorang daripada setiap dua lelaki dewasa di negara ini berusia 25 hingga 64 tahun adalah perokok. Kumpulan ini mewakili kira-kira 2.9 juta daripada 3.1 juta perokok di seluruh negara. Lebih menggerunkan lagi ialah jumlah wanita merokok turut membimbangkan iaitu seramai 174,000 orang dengan 68,000 berusia 35 hingga 44 tahun, 45,000 (25 hingga 34 tahun), 24,000 (45 hingga 54 tahun) dan 37,000 (55 hingga 64 tahun).

Justeru, selain mengajar, guru seharusnya

terpanggil menangani ketagihan rokok di kalangan pelajar sekiranya kita mahu menafikan angka disebut dalam kaji selidik berkenaan. Guru perlu mampu menanamkan semangat 'benci rokok' dan seterusnya rakyat negara ini. Ia sumbangan amat besar kepada bangsa dan negara. Apa yang ditakuti ialah ketagihan rokok sebagai pemula kepada masalah lebih besar apabila lebih ramai remaja mula menyalahgunakan dadah.

Keadaan ini bertambah buruk dengan gejala pergaulan dan seks bebas serta pembabitan remaja dalam kegiatan jenayah. Adalah tidak adil meletakkan kesalahan ini bulat-bulat kepada guru, tetapi kita juga tidak boleh menafikan bahawa guru mampu menyelesaikan sedikit sebanyak masalah ini sekiranya berjaya menyedarkan murid dan pelajar terhadap pentingnya kecemerlangan diri.

Sebaliknya, jika guru mengajar sekadar melepaskan batuk di tangga, bagaimana kita boleh mengharapkan guru sama boleh bertindak sebagai kaunselor kepada anak mentah dari segala segi dan boleh dikatakan baru mengenal erti kehidupan.

Dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010, dengan jelas dinyatakan hasrat kerajaan memartabatkan profesion keguruan sejajar dengan pemahaman bahawa pendidikan adalah satu faktor utama dalam mencapai Misi Nasional. Keadaan ini meletakkan landasan agar guru perlu memahami, memberi komitmen dan mempunyai iltizam tinggi dalam melaksanakan inisiatif dan pendekatan baru ke arah usaha meningkatkan kualiti pendidikan.

Semoga sempena sambutan 50 tahun kemerdekaan tahun ini, guru mengisytiharkan keazaman mereka untuk berperanan sebagai pemangkin pembangunan modal insan berkualiti.

Penulis adalah Presiden Yayasan Kajian dan Strategi Melayu (YKSM)